India bakal pintas China untuk jumlah penduduk tertinggi dunia

Januari 18, 2023 @ 7:51pm



Orang ramai menyerbu India Gate pada Malam Tahun Baharu pada 31 Disember 2022 di New Delhi, India. - Foto AGENSI

MUMBAI: Jumlah penduduk di India dilaporkan bakal mengatasi China tahun ini, sekali gus menjadi negara paling ramai penduduk di dunia.

CNN melaporkan, kemungkinan penduduk India akan melepasi angka populasi China beberapa bulan lagi iaitu sekitar April apabila China melaporkan jumlah penduduk menyusut pada 2022 buat kali pertama dalam tempoh 60 tahun.

Dalam pada itu, peralihan itu akan mewujudkan implikasi ekonomi ketara bagi kedua-dua negara gergasi Asia itu yang mempunyai lebih 1.4 bilion penduduk.

Ketika ini dianggarkan India mempunyai 1.39 bilion penduduk berbanding China, 1.41 bilion penduduk.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Jumlah penduduk Bumiputera dianggar 21.13 juta tahun ini**
- **Dagangan, eksport Malaysia terus berkembang kukuh**
- **Johor penerima pelaburan terbesar di Malaysia**
- **Lonjakan migrasi ke AS pacu pertumbuhan penduduk**

Menurut data Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) pada 2021, penduduk bekerja di India kini berjumlah lebih 900 juta orang dan jumlah itu dijangka mencecah lebih 1 bilion penduduk untuk dekad akan datang.

Begitupun, pakar memberi amaran bahawa angka itu boleh bertukar menjadi satu liabiliti jika pembuat dasar tidak mewujudkan pekerjaan yang mencukupi.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

18m Man City kekal terajui Money League
31m Perdana Menteri New Zealand letak jawatan bulan depan
50m Krisis di Laut China Selatan buatkan Marcos 'tidak tidur malam'
52m Casemiro penting buat kami - Ten Hag
59m COVID-19 catat 371 kes baharu, empat kematian
1h Sanadt terbang tinggi di LA
1h AS hantar pakej terbaru bantuan AS$3.5 bilion kepada Ukraine
1h Sebuah lagi Muzium Budaya Borneo akan dibina di Bintulu - Abang Johari

(https://vodus.my) Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik ×



Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints: 0(https://vodus.my) VODUS (https://vodus.my)

Dalam masa sama, data menunjukkan semakin ramai penduduk India tidak mencari kerja berikutan kekurangan peluang dan gaji yang rendah.

Menurut data 2021 daripada Bank Dunia, kadar penyertaan tenaga buruh India, anggaran tenaga kerja aktif dan orang yang mencari pekerjaan, berada pada paras 46 peratus, antara yang terendah di Asia.

Sebagai perbandingan, paras untuk China dan Amerika Syarikat (AS) masing-masing berada pada 68 peratus dan 61 peratus pada tahun sama.

Bagi wanita, angka itu lebih membimbangkan yang mana kadar penyertaan kerja wanita India hanya 19 peratus pada 2021, menurun kira-kira 26 peratus pada 2005.

Kekurangan pendidikan berkualiti tinggi adalah salah satu sebab terbesar di sebalik krisis pengangguran di India.

Menurut Institut Negara McKinsey Global pada tahun 2020 sekurang-kurangnya 90 juta peluang kerja bukan sektor peladangan menjelang 2030 perlu disediakan untuk menyerap pekerja baharu termasuk dalam sektor pembuatan dan pembinaan. - AGENSI

BERITA BERKAITAN



AMERIKA Nov 7, 2022 @ 8:32pm

Penduduk dunia mencecah 8 bilion dan terus bertambah



AMERIKA Dis 28, 2022 @ 12:07pm

AS kenakan sekatan baharu terhadap pelancong tiba dari China



EROPAH Dis 30, 2022 @ 4:04pm

Sukar tentukan jumlah sebenar kematian COVID-19



EROPAH Okt 28, 2022 @ 10:25am

Kes tibi meningkat kali pertama sejak lebih 20 tahun - WHO



BH ONLINE

Berita terkini setiap pagi
Dapatkan Berita Pilihan
Berita Harian dalam e-mel anda

Name

Alamat E-mel

Dengan melanggan, anda bersetuju dengan Terma Penggunaan dan Polisi Privasi

Daftar Sekarang

TRENDING



BOLA 3 jam yang lepas

Palace akhiri deretan kemenangan Man United



NASIONAL 11 jam yang lepas

Treler filem 'Pulau' tak sesuai ditayangkan - Fahmi



NASIONAL 11 jam yang lepas

Pemancing 'lembik' dua hari terapung cari daratan selepas bot karam



NASIONAL Jan 18, 2023 @ 4:35pm

4 KSU bertukar kementerian, seorang ke JPA

DISYORKAN




NASIONAL 11 jam yang lepas

Pemancing 'lembik' dua hari terapung cari daratan selepas bot karam



ASEAN Jan 17, 2023 @ 9:43pm

Singapura unjur pelancongan pulih sepenuhnya menjelang 2024



AMERIKA Jan 16, 2023 @ 10:16am

COVID-19: AS dapati kemungkinan vaksin terkini Pfizer dikaitkan dengan strok iskemik



LAIN-LAIN (BISNES) 12 jam yang lepas


'Tiada masalah jika hutang kerajaan tinggi'



ASIA Jan 15, 2023 @ 8:40am

WHO gesa China beri lebih banyak data COVID-19

OHBULAN



BABAK PANAS FILEM PULAU

12 minit yang lepas

'Kalau Rasa Tak Sesuai, Jangan Tengok' – Amelia Henderson



KINI TRENDING sejam yang lepas

Tular Bayi 2 Bulan Meninggal Lepas Diberi Minuman Campuran Herba- 'Saya Dah...



VOGUE sejam yang lepas

[VIDEO] Bentuk Badan Fasha Sandha Dipu... Lang...



THE I...

AJL3... Sher... Berg...

(https://vodu...)

Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik

×

Apakah jantina anda?

Lelaki

Perempuan

Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login)

VPoints: 0(https://vodus.my)

VODUS (https://vodus.my)